

Pakej baru: Malaysia tunggu jawapan Singapura

UM 10 APR 2002

PUTRAJAYA 9 April —

Malaysia masih menunggu jawapan daripada Singapura bagi memulakan perbincangan mengenai pakej baru yang sedang diusahakan untuk menyelesaikan pelbagai isu berkaitan hubungan kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kerajaan Singapura telah menerima cadangan tersebut dan memaklumkan bahawa pihaknya memerlukan sedikit masa untuk mengkaji pakej yang dicadangkan oleh Malaysia.

“Kita telah menyerahkan segala-galanya dan kini terpulang kepada mereka untuk bertindak.

“Bola sekarang berada di kaki mereka,” katanya ketika ditanya perkembangan terkini mengenai pakej penyelesaian baru yang sedang diusahakan oleh kedua-dua negara itu.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan hormat utusan khas Perdana Menteri Jepun, Dr. Tatsuo Arima di Wisma Putra di sini hari ini.

Pada 13 Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sedang mengusahakan satu pakej baru untuk dibincangkan dengan Singapura bagi menyelesaikan pelbagai isu yang membatitkan hubungan dua hala.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah mempunyai idea dan formula baru bagi pakej tersebut.

Katanya, pakej tersebut mengandungi pelbagai perkara termasuk isu-isu baru yang timbul.

Mengulas lanjut, Syed Hamid berkata, beliau tidak boleh memaklumkan terma-terma yang dirundingkan kerana ia boleh menggugat rundingan yang sedang berjalan.

Beliau berkata, apabila

semuanya selesai, kedua-dua pihak akan memulakan perbincangan.

“Perbincangan tersebut akan diadakan di semua peringkat termasuk di peringkat menteri dan pegawai,” katanya.